

Ibrahim berazam jadikan UiTM pusat pengajian taraf dunia

UM 16/12/06

SUNGAI PETANI 15 Dis. – Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Samah yang dilanjutkan tempoh perkhidmatan dua tahun lagi bermula 1 Januari ini berazam meneruskan agenda mengangkat martabat UiTM ke tahap pusat pengajian bertaraf dunia.

Katanya, bagi mencapai matlamat berkenaan, beliau akan menggaris satu pendekatan baru yang dikenali QQ 5E iaitu kuantiti, kualiti, efisien, efektif, ekonomik, etika, esprit de corps (semangat kerjasama) untuk dipraktikkan semua warga UiTM.

“Saya sedar bahawa dalam kita hendak mencapai matlamat itu, pendekatan baru berupa QQ 5E harus diamalkan semua warga UiTM seluruh negara.

“Cabaran utama UiTM ketika ini ialah menyelaras kuantiti pelajar yang ramai dengan kualiti graduan cemerlang. Di samping itu, kita juga berhadapan dengan harapan tinggi melahirkan modal insan terbaik di kalangan orang Melayu dan bumiputera.

“Oleh itu, saya yang diberikan tanggungjawab ini harus memastikan semua pihak di UiTM bekerja lebih keras dan meletakkan komitmen tinggi,” katanya ketika berucap merasmikan Hari Kualiti UiTM Kedah 2006 di sini malam tadi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Kampus UiTM Kedah, Prof. Madya Dr. Zaliha Hussin dan isteri Ibrahim, Datin Seri Zaharin Mohamed.

Kementerian Pengajian Tinggi semalam bersetuju melanjutkan tempoh perkhidmatan Ibrahim sebagai Naib Canselor UiTM untuk dua tahun lagi berkuat kuasa 1 Januari ini.

Berikutan itu, beliau yang dilantik menyandang jawatan berkenaan sejak 1 Januari 2001, akan meneruskan perkhidmatannya di UiTM sehingga 31 Disember 2008.

Menurut Ibrahim, UiTM juga bercadang untuk mengimport lebih banyak pensyarah terkemuka dunia bagi tujuan memantapkan pusat pengajian tersebut dalam tempoh terdekat.